

16/10/1998

Jepun ingin tahu siapa selepas Mahathir

Kadir Dikoh in Tokyo

TOKYO, Khamis - Soal berkisar kepada langkah kawalan tukaran asing dijangka menjadi tumpuan ahli perniagaan Jepun apabila mereka berdialog dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam beberapa program sempena lawatan rasmi lima hari Perdana Menteri ke sini mulai esok.

Bagaimanapun, bagi media antarabangsa termasuk CNN, BBC selain stesen televisyen Jepun dan beberapa akhbar utamanya, soal pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka menjadi tumpuan mereka apabila sidang akhbar terbuka dengan Dr Mahathir anjuran Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun diadakan.

Duta Besar Malaysia ke Jepun, Tan Sri Khatib Abdul Hamid, berkata umumnya kerajaan Jepun sudah menyatakan sebelum ini soal berkisar kepada penahanan Anwar adalah hal ehwal dalaman.

"Apa yang menjadi persoalan mereka sekarang ialah siapa selepas Dr Mahathir. Jepun adalah pelabur kedua terbesar di Malaysia selepas Amerika Syarikat dan sudah pasti mereka ingin tahu perkembangan selanjutnya.

"Saya rasa Dr Mahathir akan turut menjelaskan isu politik ketika mengadakan pertemuan tertutup dengan liga persahabatan Parlimen Jepun-Malaysia," katanya dalam taklimat kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan itu di sini petang ini.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di sini awal pagi esok untuk memulakan lawatan rasmi iaitu lawatan ke luar negara pertama Perdana Menteri sejak pemecatan Anwar.

Menurut Khatib, sejajar keputusan Kabinet semalam, Dr Mahathir dijangka menjelaskan mengenai isu politik semasa kepada Duta Malaysia ke Beijing, Korea Selatan dan Jepun, dalam pertemuan tertutup Isnin ini.

Beliau berkata, banyak pertubuhan media termasuk CNN dan BBC ingin membuat temuramah khas dengan Perdana Menteri tetapi sukar berbuat demikian dan dengan itu, diadakan sidang akhbar bagi semua.

(END)